
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKP 214 – Politik Perbandingan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan konsep penyertaan politik?
- (b) Bincangkan peringkat-peringkat penyertaan politik dan aktiviti-aktiviti penyertaan politik seperti yang disarankan oleh Lester Milbrath.
- (c) Bandingkan secara ringkas corak penyertaan politik antara rejim demokratik dengan rejim bukan-demokratik.

(100 markah)

2. Huraikan ciri-ciri, kelebihan dan kelemahan sistem-sistem elektoral berikut:
 - (a) Kawasan ahli tunggal dengan sistem majoriti
(single-member-district majoritarian system)
 - (b) Kawasan ahli tunggal dengan sistem undi alternatif
(single-member-district alternative vote system)
 - (c) Perwakilan berkadaran dengan sistem undi tunggal boleh dipindah
(proportional representation single transferable vote system)
 - (d) Sistem ahli bercampur
(mixed-member system)
 - (e) (f) (g) (h)
- (100 markah)
3. (a) Bandingkan proses penamaan calon presiden dan proses pemilihan presiden di Amerika Syarikat dan Rusia.
 - (b) Kenalpasti kelebihan dan kelemahan sistem “kolej elektoral” (electoral college) yang diamalkan di Amerika Syarikat.

(100 markah)

4. Berdasarkan sistem presiden (presidential system) di Amerika Syarikat dan sistem semipresiden (semipresidential system) di Perancis, bincangkan persoalan-persoalan berikut:

- (a) Sekiranya badan legislatif dan badan eksekutif masing-masing dikuasai oleh parti politik yang berbeza, negara manakah yang akan lebih cenderung mencetuskan "jalan buntu" (deadlock) yang lebih serius? Mengapa?
- (b) Bandingkan bagaimana badan legislatif di kedua-dua negara tersebut mengimbangi kuasa presiden.
- (c) Sistem pemilihan ahli-ahli legislatif di kedua-dua buah negara tersebut adalah berbeza. Bagaimanakah perbezaan ini dapat mempengaruhi hubungan interaktif antara badan legislatif dengan eksekutif?

(100 markah)

5. Kebanyakan negara demokrasi mengamalkan sama ada sistem dua parti atau sistem multiparti.

- (a) Huraikan ciri-ciri, kelebihan dan kelemahan dua sistem tersebut.
- (b) Mengapakah Amerika Syarikat dan British mengamalkan sistem dua parti sementara kebanyakan negara lain di Eropah pula mengamalkan sistem multiparti?

(100 markah)

